

Harapan baru untuk penghidap diabetes.

PRUMy Diabetes Care

Insurans Perlindungan



Mendengar. Memahami. Melaksana.

Adakah anda sedang menghidap Diabetes Jenis Kedua?

Adakah anda mempunyai perlindungan Penyakit Kritikal yang mencukupi?

Adakah anda sedang mencari perlindungan perubatan?

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential Assurance Malaysia Berhad
198301012262 (107655-U)
Ahli PIDM



PRUMy Diabetes Care merupakan penyelesaian insurans yang menggunakan PRUWith You sebagai pelan asas dan menawarkan perlindungan berikut untuk memenuhi keperluan anda:

Perlindungan	Hemoglobin glikosilat (HbA1c) - Tahap purata glukosa darah bagi tempoh 2 hingga 3 bulan yang lalu		
	HbA1c ≤ 6.0%	6.0% < HbA1c ≤ 7.0%	7.0% < HbA1c ≤ 8.0%
Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) ⁽¹⁾	Lindungi anda dan orang tersayang apabila berlaku Kematian atau TPD ⁽¹⁾ dengan PRUWith You		
Penyakit Kritikal	Kedua- dua Crisis Care dan Crisis Guard menyediakan perlindungan apabila diagnosis mana-mana Penyakit Kritikal yang terpilih. Antara penyakit yang dilindungi ialah kegagalan buah pinggang, buta, strok, dan juga kanser		
Perubatan (Deduktibel Tinggi)	Nikmati pelan perubatan TANPA had tahunan dan had seumur hidup dengan PRUValue Med		Tidak ditawarkan
	Deduktibel RM20,000 Bilik dan Penginapan Hospital RM200 ANP ⁽²⁾ RM1 juta	Deduktibel RM50,000 Bilik dan Penginapan Hospital RM200 ANP ⁽²⁾ RM1 juta	

Nota-nota:

⁽¹⁾Perlindungan TPD hanya terpakai sebelum tarikh ulang tahun polisi umur 70 bagi hayat diinsuranskan yang berkaitan.

⁽²⁾ANP merujuk kepada Aras Nilai Perubatan (ANP). Tuntutan bagi manfaat berkelayakan akan dibayar sepenuhnya (tertakluk kepada Deduktibel) sehingga ANP. Sekiranya jumlah tuntutan berkelayakan terkumpul melebihi ANP, kami akan tetap menawarkan perlindungan berterusan sehingga umur tamat tempoh dengan membayar 80% daripada jumlah kos manfaat berkelayakan yang berlebihan.

•Payor Basic dan Payor Saver yang akan membayar Premium Insurans dan Premium Pelaburan masing-masing sepanjang tempoh manfaat rider apabila hayat diinsuranskan TPD atau menghadapi penyakit kritikal yang dilindungi juga boleh dilampirkan.

Tandakan pada kotak di bawah untuk mengetahui sama ada anda layak untuk memohon PRUMy Diabetes Care:



Saya kini:

- Menghidap Diabetis Jenis Kedua
- Berumur sekurang-kurangnya 40 tahun
- Menghidap diabetes untuk tempoh 6 tahun atau kurang
- Memiliki bacaan HbA1c 8% atau kurang (sah untuk 6 bulan)
- Mempunyai BMI 30 atau kurang
- Mempunyai jumlah kolesterol 6 mmol/L atau kurang (sah untuk 6 bulan)
- Tidak bergantung/ diperlukan untuk menggunakan suntikan insulin
- Tiada sebarang sejarah kemasukan hospital untuk keadaan yang berkaitan dengan diabetes

Saya kini tidak menghidapi/belum pernah mengalami:

- Strok/angin ahmar atau strok ringan/strok sementara
- Komplikasi jantung dan/atau vaskular termasuk penyumbatan jantung (penyakit arteri koronari), penyakit vaskuler perifer, pembedahan jantung, Elektrokardiogram ketika berehat (RECG)/Elektrokardiogram ketika stres (SECG) yang tidak normal, hipertensi, dan sebagainya
- Kerosakan/penyakit buah pinggang termasuk adanya protein dan/atau darah dalam sampel air kencing
- Retinopati atau kondisi mata selain katarak, rabun jauh atau dekat, atau mata malas
- Penyakit kaki diabetis termasuk ulser kaki, gangren, dan sebagainya
- Amputasi yang berpunca daripada diabetis
- Kerosakan saraf diabetis (neuropati perifer/otonom)

Anda masih dialu-alukan untuk memohon perlindungan melalui **PRUWith You** walaupun anda tidak menanda semua kriteria di atas.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web di www.prudential.com.my atau hubungi salah satu Perancang Kekayaan Prudential yang mesra. Kami sentiasa sedia membantu.

Nota Penting & Penafian

- **PRUMy Diabetes Care** ialah pakej yang ditawarkan menggunakan **PRUWith You** sebagai pelan asas. Sila ambil maklum bahawa pakej ini terdiri daripada komponen yang boleh dibeli secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilih kesemua komponen dalam pakej ini. Anda boleh memohon untuk rider lain yang tidak disenaraikan di bawah **PRUMy Diabetes Care** dengan memohon perlindungan dengan kami melalui **PRUWith You**. **PRUWith You** ialah pelan insurans berkaitan pelaburan yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Anda hendaklah memuaskan diri anda bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang harus dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang anda mampu bayar. Untuk berbuat demikian, kami mengesyorkan anda berbincang dengan ejen atau Perancang Kekayaan anda yang akan melakukan analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi syarikat insurans secara terus untuk maklumat lanjut. Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas produk dan tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Produk dan Lembaran-(lembaran) Fakta Dana sebelum membeli polisi, dan merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen polisi untuk ciri-ciri dan manfaat-manfaat di bawah polisi ini. Anda boleh melakukan penyerahan polisi pada bila-bila masa. Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Hari Jadi yang Akan Datang. Kos insurans yang dikenakan untuk produk Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI) adalah diilustrasi didalam laman web PAMB. Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diguna pakai dan berkuatkuasa.
- Produk ini didatangkan dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum bagi rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan. Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan daripada pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) akan tetap sama.
- Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- Mengandaikan seorang lelaki, berumur 40 tahun, bukan perokok membeli polisi **PRUMy Diabetes Care** dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM100,000, Crisis Care RM100,000, **PRUValue Med** RM1,000,000 R&B RM200 dengan Deduktibel RM20,000 dan Payor Basic, tempoh polisi sehingga umur 80 tahun dengan lanjutan automatik, 100% dana ekuiti, dengan pembayaran premium bulanan melalui kad kredit, anggaran jumlah premium yang harus dibayar:

Jumlah premium yang harus dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga umur 80 tahun	Untuk meningkatkan kemampuan polisi anda sehingga umur 100 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM300.00 bulanan daripada umur 40 sehingga umur 79	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM81.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 40 sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p><u>Jumlah premium yang harus dibayar:</u> - RM381.00 bulanan daripada umur 40 sehingga umur 99.</p>	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM1,897.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 80 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p><u>Jumlah premium yang harus dibayar:</u> - RM300.00 bulanan daripada umur 40 sehingga umur 79. - RM2,197.00 bulanan daripada umur 80 sehingga umur 99.</p>

Nota-nota:

- Premium adalah tidak terjamin dan mungkin berubah pada masa akan datang bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat-manfaat polisi dan caj-caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang dicadangkan, yang dikemas kini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk membuat tokokan premium anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampuan polisi anda. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan jika terdapat sebarang premium tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.
- Jika polisi anda dilampirkan dengan rider payor, anda mungkin perlu meningkatkan jumlah diinsuranskan untuk rider payor disebabkan peningkatan premium untuk menampung tempoh yang dilanjutkan (tertakluk kepada pengunderaitan) atau sebarang semakan semula caj insurans. Jika polisi anda di bawah status tuntutan payor dan peningkatan premium diperlukan, anda mungkin perlu membayar amaun premium tambahan yang tidak dilindungi oleh syarikat untuk meningkatkan kemampuan polisi anda.
- Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
- Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat selanjutnya.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH.

03/2024